

22/06/2003

Ahli Umno perlu nilai diri sendiri

NAIB Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib mengingatkan ahli Umno supaya menyedari apakah ciri dan nilai yang perlu ada dalam diri mereka yang boleh menjadi aset kepada parti.

Untuk itu, beliau berkata, setiap ahli parti perlu jujur dan komited mempraktikkan ciri dan nilai berkenaan bagi membolehkan Umno yang menjadi tulang belakang kerajaan Barisan Nasional (BN) terus kukuh.

"Kita juga perlu mengetahui apakah ciri dan nilai yang boleh menjadikan kita sebagai masalah dalam parti.

"Saya menyebutkan hal ini bukan untuk mengajar sesiapa, tetapi sekadar mengimbas sedikit pengalaman yang boleh dikongsi oleh kita bersama.

"Marilah kita memperkuat parti yang kita sayangi ini dan saya percaya kedudukan atau jawatan bukan ukuran kepada sumbangan atau perjuangan dalam parti," katanya ketika menggulung perbincangan.

Muhammad berkata, beliau juga percaya sebarang polemik dan politik yang terarah kepada isu itu bukan hanya merugikan parti, malah lebih buruk lagi melemahkan bangsa Melayu.

Katanya, parti yang kuat kedudukannya akan melahirkan negara yang kukuh dan stabil selain mampu mengangkat martabat bangsa dan negara.

"Parti yang lemah bukan hanya akan melemahkan bangsa dan negara, malah akan menjejaskan imej kita di mata dunia.

"Lebih daripada itu parti pemerintah yang lemah boleh merosakkan pencapaian cemerlang yang sedia ada," katanya.

Katanya, apabila pemerintah lemah, tidak banyak yang boleh dilakukan untuk mengubah nasib bangsa, selain menyebabkan mereka terperangkap dalam pelbagai masalah.

Sehubungan itu, beliau berkata, pesanan Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya setiap ahli parti menjaga Umno dengan baik untuk memastikannya sentiasa kuat amat penting untuk dihayati dan dilaksanakan.

(END)